

Tarikh Dibaca: 29 Julai 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“PAHLAWAN MEMPERTAHANKAN
NEGARA DEMI AGAMA”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***




SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





“PAHLAWAN MEMPERTAHANKAN NEGARA DEMI AGAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ ¹ 
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Al-Baqarah; 154



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa itu merupakan sebaik-baik bekalan dan tonggak paling penting dalam usaha memperbaiki diri dan memartabatkan kemuliaan ummah. Begitu juga ia sangat penting dalam menanam sikap bersungguh-sungguh mempertahankan agama dan negara demi kerana Allah Azza wa Jalla.

Mimbar pada hari ini mengajak muslimin sekalian menghayati khutbah yang bertajuk **"PAHLAWAN MEMPERTAHANKAN NEGARA DEMI AGAMA"**.

Hadirin Jumaat sekalian,

Sambutan hari pahlawan mengingatkan kita akan jasa dan pengorbanan setiap individu yang telah mempertahankan negara dan tanahair daripada pencerobohan musuh. Sebagai anak bangsa yang cintakan agama, bangsa dan negara sangat menghargai segala jasa mereka yang telah mempertaruhkan nyawa untuk memastikan kedaulatan negara terpelihara. Penghargaan ini juga diberikan kepada mereka yang telah dan terus berjuang dan berkorban untuk kesejahteraan umat dan negara.

Sesungguhnya, keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi oleh negara pada hari ini tidak datang secara percuma. Ia merupakan hasil titik peluh bahkan titisan darah para pahlawan dan pejuang silam yang telah mengukir kejayaan negara pada hari ini. Tokoh pahlawan tanah air seperti Dato' Bahaman, Tok Janggut, Mat Kilau, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, Leftenan Adnan dan lain-lain lagi adalah nama-nama besar yang telah melakar sejarah kemenangan dan kejayaan negara kita. Justeru, kita



wajar mengambil pedoman dan tauladan di atas semangat juang yang ditinggalkan oleh pahlawan-pahlawan terdahulu yang telah berkorban apa sahaja mempertahankan negara demi agama.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Menyedari akan pengorbanan generasi terdahulu yang sangat berharga, maka menjadi tanggungjawab kita selaku pewaris negara yang tercinta ini untuk bersedia dengan sebarang bentuk kekuatan, meneruskan kejayaan dan memugar semangat kepahlawanan serta patriotik dalam diri, dengan mengatur strategi, memelihara perpaduan dan memajukan pertiwi. Ini bertepatan dengan seruan Allah SWT yang menyuruh kita membuat persediaan yang ampuh menerusi firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 60;

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ
الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ...

"Dan bersedialah untuk menghadapi mereka (musuh-musuh Islam) dengan segala jenis kekuatan yang termampu, daripada kuda-kuda perang yang ditambat untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu..."

Berkaitan dengan ayat ini, imam Ibn Kathir (774H) menyatakan bahawa persiapan yang dimaksudkan adalah segala bentuk kekuatan yang mampu disediakan berdasarkan tenaga dan keupayaan.

Oleh itu, dengan kita meneruskan segala usaha dan perjuangan barisan pahlawan negara ini sudah boleh dianggap sebagai pengiktirafan kepada seluruh pahlawan negara yang terdahulu. Kita juga wajib



mempertahankan kedaulatan negara daripada segala ancaman musuh luar dan dalam yang ingin menghancurkan keharmonian Negara.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Menghayati catatan sejarah peperangan Ahzab atau lebih dikenali sebagai peperangan Khandaq (parit) yang berlaku pada tahun kelima hijrah dalam bulan Syawal (yang sama seperti bulan ini), membuktikan kekuatan tentera dan pahlawan Islam yang berpaksikan keikhlasan dan kejituan iman mereka berjuang kerana Allah SWT. Tentera Islam bukan hanya berhadapan dengan jumlah tentera musuh yang besar iaitu 10 ribu orang berbanding dengan 3 ribu orang sahaja, bahkan juga berhadapan dengan gabungan tentera bersekutu yang pelbagai dari kalangan musyrikin Quraisy bersama Yahudi Bani Nadhir, Bani Ghatafan dan lain-lain.

Hasil keimanan dan kesabaran tentera Islam, juga mustajabnya doa nabi SAW, maka Allah SWT telah memecahbelahkan gabungan tentera Ahzab ini dan menghantar angin ribut kepada tentera musuh, lalu memberikan kemenangan kepada tentera Islam. Abdullah bin Abi Aufa RA meriwayatkan doa nabi SAW dalam peperangan ini dengan sabdanya:

اللَّهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ سَرِيعَ الْحِسَابِ، اللَّهُمَّ
أَهْزِمِ الْأَحْزَابَ، اللَّهُمَّ اهْزِمِهِمْ وَزَلِّزْلِهِمْ

"Ya Allah yang menurunkan al-Kitab, lagi segera perhitungan (hisab), ya Allah hancurkanlah (gabungan) Ahzab. Ya Allah hancurkan dan goncangkanlah mereka".

(Riwayat al-Bukhari).



Doa ini telah menjadi asas dalam susunan lafaz takbir Hari Raya yang kita laungkan secara kuat beramai-ramai dengan menyebut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ
عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ

"Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah yang esa, Dia telah membenarkan janji-Nya, menolong hamba-Nya, memuliakan tentera-Nya, dan membinasakan gabungan tentera Ahzab dengan (kuasa-Nya) sendiri".

Hadirin sekalian,

Menerusi peperangan Ahzab ini, beberapa pelajaran dan ibrah penting boleh kita ambil berkaitan dengan tentera dan pahlawan Islam yang telah mempertahankan kedaulatan negara Madinah, antaranya adalah;

Pertama: Keimanan yang semakin bertambah kuat ketika melihat ramainya jumlah gabungan tentera musuh yang bakal dihadapi. Sedikitpun mereka tidak gentar dan bimbang, bahkan mereka tetap teguh meyakini segala janji Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 22;

وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا
اللَّهُ وَرَسُولُهُ، وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ، وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا

وَتَسْلِيمًا



"Pada masa orang yang beriman melihat tentera al-Ahzab, mereka berkata, "Inilah yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kami dan benarlah Allah dan Rasul-Nya". Dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka sepenuhnya kepada Allah".

Kedua: Kebijaksanaan dan kepintaran pahlawan Islam menyusun taktik dan strategi, serta kebersamaan semua pihak tanpa wujud sebarang perbezaan pangkat. Salman al-Farisi RA telah mencadangkan agar digali parit di sekeliling kota Madinah, lantas disambut baik oleh Rasulullah SAW dan umat Islam. Taktik ini telah mengejutkan tentera musuh kerana ia tidak pernah digunakan oleh mana-mana bangsa Arab ketika itu dalam sebarang peperangan.

Rasulullah SAW juga telah menunjukkan kepimpinan melalui tauladan dan prinsip kebersamaan dengan turut serta menggali parit sebagaimana yang telah dipersetujui.

Al-Barraa' bin 'Aazib RA meriwayatkan bahawa:

لَمَّا كَانَ يَوْمُ الْأَحْزَابِ وَخَنَدَقَ رَسُولُ اللَّهِ
رَأَيْتُهُ يَنْقُلُ مِنْ تُرَابِ الْخَنْدَقِ حَتَّى وَارَى
عَنِّي الْغُبَارُ جِلْدَةَ بَطْنِهِ، وَكَانَ كَثِيرَ الشَّعْرِ

"Ketika hari (peperangan) Ahzab dan Rasulullah SAW sedang menggali parit, aku melihat baginda memungghah tanah daripada parit sehingga debu-



debu menutupi kulit perut baginda daripada penglihatanku sedangkan perut baginda mempunyai bulu yang banyak".

(Riwayat al-Bukhari).

Ketiga: Melaksanakan arahan Rasulullah SAW sebagai panglima tentera dengan penuh dedikasi dan berkesan. Ini boleh dilihat menerusi peranan Nu'aim bin Mas'ud RA yang tidak mengisytiharkan keIslamannya telah berjaya memporak-perandakan gabungan tentera Ahzab hingga menjadikan mereka saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Sesungguhnya peperangan itu adalah strategi dan tipu helah.

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Peperangan itu adalah tipu helah".

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Demikianlah kehebatan generasi pahlawan Islam terdahulu yang sangat kuat iman mereka, bijak, berani dan tawakkal yang tinggi kepada Allah SWT dalam mempertahankan negara. Selepas itu, ia disambung oleh generasi seterusnya yang turut serta telah berjaya melakukan pembukaan kota-kota besar dunia, lalu menggantikan kegelapan kufur dengan cahaya iman, serta menukar kezaliman Kisra dan Kaisar dengan keadilan Islam.

Menurut Syeikh Muhammad Abu Zahrah dalam karyanya al-Wahdah al-Islamiah, beliau menegaskan bahawa asas kekuatan perpaduan orang Islam yang berdiri di atas dasar akidah ialah dengan:

1. Perasaan ukhuwwah sesama muslimin



Orang yang beriman itu adalah bersaudara. Tidak boleh berlaku persengketaan yang boleh membawa perpecahan. Jika wujud bibit-bibit pertelingkahan maka ia hendaklah didamaikan. Kesakitan dan ancaman yang dihadapi oleh saudara seakidah merupakan juga kesakitan kita yang perlu ditangani secara bersama ibarat cubit paha kanan, paha kiri akan terasa juga.

2. Kesatuan budaya, bahasa dan sosial

Orang Islam akan mencapai perpaduan dengan adanya persamaan dan kesatuan budaya, bahasa dan sosial sehingga mampu memerangi kumpulan perosak secara bersama. Perpaduan yang terhasil ini akan berjaya mencegah segala pemikiran dan ideologi sesat yang cuba menyusup masuk ke dalam masyarakat, demi mengelakkan kerosakan besar di atas muka bumi.

3. Tiada peperangan antara negara umat Islam

Tiada peperangan antara sesama negara umat Islam akan menjana kekuatan perpaduan mereka. Tidak kira sama ada peperangan tersebut berbentuk pemikiran, ekonomi atau budaya, ia mesti dielakkan sebelum berlakunya perpecahan dan kehancuran.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar mengakhiri khutbah pada hari ini dengan beberapa pedoman yang perlu diambil perhatian:

1. Umat Islam hendaklah mayakini bahawa mempertahankan kedaulatan negara adalah tuntutan agama yang bakal meraih ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.



2. Umat Islam perlu menghargai pengorbanan dan jasa generasi terdahulu yang telah memartabatkan agama dengan mendoakan keampunan daripada Allah Azza wa Jalla untuk mereka.

3. Umat Islam wajib mempersiapkan diri dengan sebarang kekuatan rohani dan jasmani untuk mempertahankan keharmonian dan keamanan negara dari sebarang ancaman musuh.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ
جَاءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ
تَرَوْهَا وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (al-Ahzab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut serta angkatan tentera (daripada malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. (Ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan".

(Surah al-Ahzab: 9)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



Dengan itu kita mengutuk apa-apa perbuatan yang mengancam serta menggugat keamanan dan keselamatan seperti rampasan kuasa, gerakan militan, cubaan pengeboman berani mati dan lain-lain lagi. Oleh itu, umat Islam hendaklah berwaspada terhadap anasir-anasir tertentu yang meracuni dan mempengaruhi para pelajar untuk melakukan perbuatan ganas di mana-mana sahaja terutama di tempat-tempat suci agama.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى



أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاعُورَ، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاعُورَ، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera



dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ



اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.